

***PIRONOK: MANTERA PEMIMPIN DUSUN KIMARAGANG***  
***PIRONOK: THE MANTRA OF THE DUSUN KIMARAGANG LEADER***

**Ain Apainah Yuni<sup>1</sup>**  
**Asmiaty Amat<sup>2</sup>**

*Institut Perguruan Gaya, Kota Kinabalu, Sabah<sup>1</sup>*  
*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah<sup>2</sup>*  
*ain.uni@ipgkgaya.edu.my, asmiaty@ums.edu.my<sup>2</sup>*  
*Tarikh dihantar: 6 Julai 2019 / Tarikh diterima: 25 Julai 2019*

---

**ABSTRAK**

Ilmu *pironok* kini dilupakan oleh pemimpin baharu suku kaum Dusun Kimaragang akibat kehidupan berpendidikan dan beragama. Sedikit demi sedikit mantera kearifan tradisi ini ditinggalkan, menyebabkan ujaran yang dipercayai mempunyai kuasa magis ini tidak dipelihara untuk pemahaman generasi muda. Kajian ini memberi perhatian pada makna dan fungsi *pironok* dalam kalangan masyarakat Dusun di Kota Marudu dan Kudat, Sabah. Pengumpulan data yang menggunakan pedoman wawancara dan perakaman dimanipulasikan dengan bantuan informan. Hasil kajian menunjukkan *pironok* mempunyai tujuh fungsi. Ilmu *pironok* membantu memberikan keyakinan dalaman kepada pemimpin, menyemai taat setia rakyat kepada pemimpin, mendamaikan pertelingkahan, membantu melicinkan tugas kepimpinan, sebagai kaedah dan sistem perancangan keamanan, mengajar ahli-ahli untuk saling menghormati dan menyemai sikap saling menyayangi sesama ahli masyarakat. Hasil kajian ini juga memberi maklumat tentang peranan ilmu *pironok* dalam sistem sosial masyarakat Dusun tradisional. *Pironok* membantu membangunkan ketamadunan tradisional masyarakat Dusun dengan cara melicinkan tugas harian insan dalam memimpin ahli kumpulannya. Positif atau negatifnya *pironok* bergantung kepada keyakinan dan keimanan secara individu. Ahli masyarakat sepatutnya mampu menyikap mantera secara bijak. Pada masa yang sama, mereka berkewajipan menjaga kerukunan beragama dan bermasyarakat agar pengamal dan bukan pengamal mantera dapat hidup berdampingan, selaras dan harmonis.

**Kata kunci:** Ilmu *pironok*, kata-kata mantera, fungsi *pironok*, Dusun Kimaragang.

## **ABSTRACT**

*The pironok knowledge is now forgotten by the new leaders of the Dusun Kimaragang tribe as a result of educated and religious life. Bit by bit this mantra of traditional wisdom is abandoned, causing the utterance believed to have a magical power not preserved for the comprehension of the younger generation. This study focuses on the meaning and function of pironok among the Dusun community in Kota Marudu and Kudat, Sabah. Data collection using interviews and recording guidelines is manipulated with the help of informants. Findings showed that pironok had seven functions. Pironok's knowledge helps to provide insight to the leader, to instill loyalty to the leader, to reconcile arguments, to help ensure leadership tasks, as a means and system of peace planning, teaching members for mutual respect, and cultivating mutual affection for the fellow members community. The results of this research also provide information on the role of pironok knowledge in the social system of the traditional Dusun community. Pironok helps to develop the traditional civilization of the Dusun community by facilitating the daily tasks of the people in leading their group members. The pironok positivity or negativity relies on individual beliefs and faith. Community members should be able to disclose the mantra wisely. At the same time, they are obliged to maintain religious and social harmony so that practitioners and non-practitioners of the mantra can co-exist, inline and harmoniously.*

**Keywords:** *Pironok knowledge, mantra utterance, pironok function, Dusun Kimaragang.*

## **PENGENALAN**

Dalam menjalani kehidupan seharian tentu sahaja ada cabarannya. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, pelbagai alternatif dijalankan oleh manusia dahulukala untuk membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi. Demikian juga dengan hal kepimpinan. Dalam setiap masyarakat perlu ada pemimpin yang berwibawa untuk memastikan keamanan dan kesejahteraan masyarakat terus terpelihara. Perjalanan dalam sebuah kepimpinan perlu berjalan dengan lancar agar dapat memberi kehidupan yang aman dan sejahtera sebagai tradisi yang diwarisi secara turun-temurun. Sehubungan itu, kebanyakan pemimpin masyarakat Dusun Kimaragang di Kota Marudu dan Kudat, Sabah menggunakan *pironok* (kata-kata mantera) sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam soal kepimpinan. Ilmu *pironok* merupakan warisan tradisi yang unggul dan dianggap luar biasa. Jika ditinjau dalam perspektif psikolinguistik, bahasa dalam *pironok* bukan sekadar kata-kata yang didengarkan, malahan memiliki bahagian lain, iaitu bahasa yang terletak dalam fikiran atau kompetensi bahasa.

## DEFINISI OPERASIONAL

### ***Pironok***

*Pironok* ialah mantera yang dikenal masyarakat Dusun sebagai kata-kata yang digunakan oleh ketua masyarakat untuk mengawal ahli kumpulan di bawah pimpinannya. Ilmu *pironok* dipercayai bersifat magis. Magis bererti sesuatu yang dipakai manusia untuk mencapai tujuannya dengan cara yang istimewa. Perilaku magis disebut juga sebagai perlakuan untuk mencapai suatu maksud tertentu yang dipercayai manusia ada di alam ghaib (Rusyana, 1970: 3).

### **Pemimpin**

Ketua kaum menggunakan ilmu *pironok* sebagai cara untuk meredakan ketegangan dan menakut-nakutkan orang yang berbuat salah agar segera berbuat baik. Jika tidak, akibat buruk akan berlaku ke atas diri mereka. Ilmu *pironok* mendapat sentuhan yang kuat kesan daripada amalan kepercayaan animisme dalam budaya masyarakat Dusun.

### **Dusun Kimaragang**

Masyarakat Dusun di Kampung Liabas, Kota Marudu dahulukala menggunakan *pironok* untuk memudahkan tugas memimpin agar ketua kaum dapat menjalankan tugas dengan baik.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan fungsi *pironok* di Kampung Liabas, daerah Kota Marudu (Kudat, Sabah) dalam kalangan masyarakat Dusun Kimaragang dahulukala. Penelitian bermula dengan andaian bahawa amalan *pironok* memudahkan ketua kaum menjalankan tugasnya sebagai pemimpin.

### **Kosa Ilmu**

Penggunaan ilmu *pironok* dalam masyarakat Dusun Kimaragang yang moden sudah mulai ditinggalkan. Sebagai tradisi masyarakat Dusun lama, *pironok* memiliki nilai kearifan kata-kata yang perlu dikaji sebagai bahan mantera. Mantera ialah ujaran lisan yang dipercayai memiliki nilai luar biasa dan keupayaan yang tersembunyi. Pudentia (2008:73) mengungkapkan bahawa mantera melukiskan

cara berfikir pemiliknya. Ketika masyarakat Dusun mulai meninggalkan amalan tradisi, masyarakat ini sebenarnya meninggalkan kepercayaan leluhur yang telah dianuti secara turun-temurun. Dalam kegiatan pemimpin, adanya ujaran *pironok* merupakan suatu upaya memohon perlindungan dari Yang Maha Kuasa di luar daya manusia. Hal tersebut menunjukkan kewujudan kesedaran bahawa manusia memiliki keterbatasan dan kemampuan untuk berusaha, dan bersandarkan doa kepada Maha Pencipta yang memberikan kehidupan. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan kajian tentang *pironok*. Ilmu *pironok* mendapat sentuhan yang kuat kesan daripada kepercayaan animisme seperti yang berlaku kepada suku kaum yang lain di Sabah. Hal ini pernah dikemukakan oleh Mohd. Taib Osman (1991) bahawa pemikiran awal masyarakat lebih kepada animisme yang membentuk satu entiti sosial masyarakat pada zaman dahulukala. Namun setelah kedatangan Islam, pengaruh animisme beransur hilang dengan wujudnya kepercayaan akan Tuhan Yang Esa. Gugusan bahasa dalam mantera disokong realiti sosial yang dilalui oleh masyarakat lampau berkenaan dengan pandangan dunia mereka.

Menerusi mantera, sifat autonomi manusia, tekanan dan perubahan kehidupan dapat dipertahankan. Manusia menyedari bahawa kemampuan dunia realiti yang terbatas tidak dapat memenuhi kepentingan hidup mereka. Mantera menguatkan lagi kepercayaan bahawa setiap masalah dapat diselesaikan (Peletz, 1993). Dalam karya lain, Ling (1991) menjelaskan kuasa tertinggi pada zaman dahulu adalah berkaitan dengan mantera, iaitu sesuatu yang mereka sembah dan puja untuk mendapatkan kekuatan luar biasa. Keadaan yang sama dialami oleh masyarakat Dusun Kimaragang. Asas kepercayaan mereka bermula daripada mantera yang dituturkan sebagai pembantu dalam kehidupan harian. Asas kekuatan dalam mantera terletak pada kekuatan magis yang terkandung dalam kata-kata yang diucapkan.

Noriah Taslim (2010: 74) pernah memberi penjelasan tentang magis seperti berikut:

Magis diperlukan hadir semasa manusia primitif berhadapan dengan sesuatu situasi tertentu seperti ancaman, kepayahan, atau tekanan emosi yang perit, yang dalam keupayaannya yang normal tidak dapat diatasi atau dileraikan. Magis bertindak sebagai komplemen kepada keupayaan fizikal manusia, justeru, sama dengan fungsi alat-alat lain yang membantu manusia dalam menjalankan tugas manusia.

Terdapat empat fungsi mantera yang dirumuskan oleh Yayah Sorayah (2014). Pertama, sebagai sistem projeksi. Kedua, sebagai alat pengisah kebudayaan. Ketiga, sebagai alat pendidikan. Keempat, sebagai alat pemaksa

berlakunya norma dalam masyarakat dan pengendalian masyarakat. Sebagai sistem projeksi, mantera menerangkan gambaran angan-angan masyarakat tentang keadaan tanaman padi yang subur. Tanaman padi yang subur digambarkan dengan keadaan tumbuhan yang kuat akarnya, pohonnya tebal, daunnya yang subur dan buahnya yang lebat. Dari hasil tanaman yang subur itu akan diperoleh hasil yang banyak dan mendatangkan keuntungan bagi petani. Sebagai pengisah kebudayaan, mantera menjadi ciri kepercayaan lama yang dianut oleh masyarakat terdahulu. Kedua, kebudayaan tersebut berakulturasi membentuk kebudayaan yang harmonis antara keduanya dan masyarakat membenarkan kebudayaan itu. Walau bagaimanapun, tiada pula diberi keterangan lanjut tentang fungsi mantera sebagai alat pemaksa berlakunya norma dalam masyarakat dan pengendalian masyarakat.

Sebaliknya, Kasmilawati dan Effendi (2012) berpendapat mantera memenuhi tujuan tertentu. Pada umumnya fungsi mantera bersifat individu dan sosial. Fungsi yang bersifat individual dan bersifat sosial ini juga berlaku pada masyarakat Dusun Kimaragang di Sabah. Mantera bukan sekadar berupa bacaan-bacaan, patah-patah perkataan, tetapi sarat dengan perlambangan dan makna (Hanapi Dollah, 2007). Selain ucapan yang mempunyai kekuatan ghaib, kadangkala berupa sebuah teks dan persembahan yang mempunyai makna berlapis-lapis. Pendapat ini dapat disamakan dengan bacaan *pironok* yang mengandungi makna khusus berhubung kepercayaan Dusun Kimaragang. Lebih daripada itu, *pironok* berfungsi untuk menundukkan dan mempengaruhi orang ramai agar akur kepada pengamal mantera.

Kehidupan manusia pada masa lampau penuh dengan kuasa luar biasa menyebabkan mereka dapat membuat sesuatu yang berada di luar kemampuan mereka. Dalam kajian Supomo (1979) terhadap masyarakat Jawa, mantera merujuk kepada ilmu kesaktian. Aspek yang mereka lakukan dengan cara mengungkapkan bacaan mantera untuk menyeru segala kekuatan yang ada di alam sekitar untuk membantu menjalankan tugas-tugas sosial manusia. Dengan menghubungkan kehidupan manusia pada paksi mantera dapat memudahkan perjalanan kehidupan mereka. Begitu juga keadaan dalam kehidupan masyarakat Dusun Kimaragang. Masyarakat tradisional mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap kuasa intrinsik bahasa yang mistik. Bahasa dipercayai mempunyai kuasa *psycho magical* (negatif dan positif) yang cukup kuat ke atas makhluk dan alam. Kepercayaan ini penting untuk kemandirian manusia dalam persekitaran yang tidak mudah dikuasainya, melalui rumus-rumus bahasa yang tepat, mereka yakin dapat menundukkan musuh yang nyata dan ghaib, melemahkan binatang buas, mendamaikan unsur-unsur alam (ribut guruh, gempa, kemarau) yang mengancam,

meningkatkan hasil perburuan dan pertanian, menyembuhkan penyakit dan dengan itu dapat menguasai alam dengan mudah (Noriah Taslim, 2007: 197). Nilai kearifan dalam *pironok* dilihat oleh ketua masyarakat Dusun Kimaragang sebagai suatu upaya memohon perlindungan dari kuasa di luar kudrat manusia.

Semua karya yang berkaitan jelas mengandungi ciri-ciri *pironok* yang bermula dengan Pudentia (2008) bahawa mantera melukiskan cara berfikir pemilikinya. Pemikiran awal masyarakat lebih kepada animisme yang membentuk satu entiti sosial masyarakat pada zaman dahulukala (Mohd. Taib Osman, 1977). Mantera menguatkan lagi kepercayaan bahawa setiap masalah dapat diselesaikan (Peletz, 1993). Kuasa tertinggi pada zaman dahulu adalah berkaitan dengan mantera, iaitu sesuatu yang mereka sembah dan puja untuk mendapatkan kekuatan luar biasa (Ling, 1991). Kata-kata yang mengandungi unsur magis diperlukan semasa manusia primitif berhadapan dengan sesuatu situasi yang dalam keupayaannya yang normal tidak dapat diatasi atau dileraikan (Noriah Taslim, 2010).

Antara fungsi mantera adalah sebagai alat pemaksa norma dalam masyarakat dan pengendalian masyarakat (Yayah Sorayah, 2014). Fungsi mantera bersifat individu dan sosial. Fungsi yang bersifat individual dan bersifat sosial ini juga berlaku pada masyarakat Dusun Kimaragang di Sabah (Kasmilawati & Effendi, 2012). Menurut Hanapi Dollah (2007), selain ujaran yang mempunyai kekuatan ghaib, mantera mempunyai makna berlapis-lapis. Ungkapan bacaan mantera menyeru segala kekuatan yang ada di alam sekitar untuk membantu menjalankan tugas-tugas sosial manusia (Supomo, 1979).

## **BAHAN KAJIAN**

Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan lapangan. Teknik pengumpulan data adalah berpandukan pedoman wawancara dengan beberapa informan. Pengkaji merakam wawancara agar mudah dianalisis. Tiga dapatan bahan bacaan mantera (*pironok*) telah dirakam daripada informan. Bagi mendapatkan sesuatu bahan mantera (*pironok*) bukanlah mudah. Pengkaji terpaksa berulang-alik ke rumah informan dan sedaya upaya berinisiatif agar informan yakin bahawa kedatangan pengkaji bertujuan baik dan sekadar membuat kajian budaya. Kesukaran ini timbul ekoran tanggapan stereotaip bahawa orang luar pasti bertindak jahat menggunakan semula mantera yang diperoleh untuk menyerang mereka. Atas sebab inilah menjadi alasan mengapa ada antara mereka yang tidak bersedia dan enggan bekerjasama dengan orang

luar. Tambahan pula, semangat dan kepercayaan tradisi mereka yang unik menyebabkan mereka berasa berat dan sukar berkongsi dengan orang lain tentang ilmu pengetahuan warisan daripada nenek moyang ini. Mereka takut akan sumpahan terkena diri sekiranya mengingkari arahan orang tua-tua dan nenek moyang yang menurunkan ilmu *pironok*.

Ilmu *pironok* dianggap warisan ilmu sakral suku kaum Dusun dan tidak sembarangan orang boleh mengetahuinya. Hal ini bertambah rumit kerana wujud kepercayaan bahawa seseorang yang mengambil bahan dan data mantera perlu mematuhi syarat-syarat tertentu kerana ditakuti jika tidak dipenuhi, orang yang memberi data dan bacaan mantera serta orang yang mendapatkan mantera terkena sumpahan. Namun dengan kesungguhan dan akal fikiran pengkaji, isu berkenaan dengan syarat-syarat mendapatkan bahan mantera berjaya ditangani, tetapi bukan semua bacaan mantera *pironok* dikongsi oleh informan dengan pengkaji.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian ini menemukan tiga *pironok* yang sanggup dikongsi bersama oleh informan. Pengkaji mengemukakan ketiga-tiga *pironok* dalam kata-kata asal seperti yang telah dirakam. Seterusnya, pengkaji menjelaskan fungsi setiap *pironok* berdasarkan jawapan informan.

### **Penunduk Tunggal**

Luku luku lisi lisi  
Berangka berisi  
Tanggal tunggul  
Berisi berangka hati jantung  
Nyawa si anu  
Tunduk pada aku.

*Pironok* Penunduk Tunggal ialah mantera yang ditujukan kepada seseorang agar tunduk kepada si pengamal. Kandungannya membawa maksud mereka menyerahkan seluruh jiwa raga kepada si pengamal dan bersedia menurut apa pun katanya. Mereka tidak ingkar dan hati mereka tidak berbelah bagi. Apa pun yang dikatakan si pengamal, mereka menurut dengan bersungguh-sungguh. Inilah implikasi yang dikatakan oleh informan jika mantera Penunduk Tunggal dibacakan kepada seseorang atau kumpulan tertentu. Semua orang pasti tunduk dan percaya segala apa yang dikatakan oleh si pengamal dan mengikut semua suruhan tanpa sebarang bantahan.

***Minamotoi Uat***

Titik-titik kau bertitik anak naga  
Titikan bergurantai bertitik  
Matoi-matoi uat si anu  
Tiada tontog tongan  
Mendengar kata-kataku  
Berguguran jatuh jantung si anu  
Tunduk taat setia kepadaku.

*Pironok Minamotoi Uat* dibacakan bertujuan untuk menundukkan dan mematikan akal orang yang hendak melawan si pengamal mantera ketika dalam perbicaraan khusus dan umum di khalayak ramai. Mantera ini bertujuan untuk mematahkan semangat dan keyakinan pihak lawan agar mereka tidak berani menentang kata-kata yang diutarakan si pengamal. Dengan membaca mantera ini, seseorang ataupun sekumpulan orang berasa segan, bahkan gerun dan takut akan kewibawaan si pengamal. Mantera ini digunakan sebagai satu cara meningkatkan kewibawaan, kredibiliti, keyakinan dan kemampuan seseorang untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

***Sangka Bunuh***

Sangka bunuh sangka gemuruh  
Melanggar kau kataku  
Denyut jantungmu terhenti  
Melawan kau kata-kataku  
Termakan kau sumpahku  
Tiada tontog-tongan  
Sekali kukata kepadamu  
Berguguran semangat hati dan jantungmu  
Menyerah pada diriku.

*Pironok Sangka Bunuh* digunakan sebagai sumpahan ataupun balasan kepada sesiapa yang ingkar dengan kata-kata yang diucapkan oleh si pengamal. Keingkaran seseorang terhadap perintah si pengamal menyebabkan mereka terkena musibah. Oleh itu, mereka perlu meminta maaf daripada orang yang mereka ingkar, iaitu si pengamal. Maka, semua orang hendaklah membenarkan dan mengakui serta mengikuti segala arahan dan perintah si pengamal. Lazimnya, pengamal ialah ketua dan orang-orang yang dipercayai sebagai pemimpin dalam masyarakat berkaitan adat serta hal ehwal keamanan kampung.

Menurut Nuno Ingkas (80 tahun), tanpa adanya *pironok*, maka bukan mudah untuk seorang pemimpin Dusun Kimaragang menjalankan tugas dengan baik. Hal ini demikian kerana situasi sosial masyarakat dalam kehidupan seharian, sering berlaku masalah sosial yang memerlukan kawalan seorang ketua. Seorang



informan, Runsini Cuk (60 tahun) menjelaskan bahawa *pironok* pada asalnya bermula apabila kerap terjadi pergaduhan yang mengganggu ketenteraman masyarakat dan menyebabkan kematian. Adat dan budaya meminum minuman keras daripada sumber tumbuh-tumbuhan sama ada padi, beras, kelapa dan ubi kayu merupakan budaya turun-temurun.

Perilaku kerap meminum minuman keras menyebabkan beberapa orang bertindak di luar batasan seperti hendak memukul dan melakukan kekerasan. Tindakan ini menyebabkan keamanan masyarakat terganggu gugat selagi perkara ini tidak dapat diselesaikan dengan segera. Memandangkan pada masa dahulu hanya ketua sahaja yang ditakuti, maka sebarang permasalahan dirujuk kepadanya. Bagi memudahkan ketua melakukan pekerjaan, ketua menggunakan ilmu *pironok* sebagai alternatif untuk meredakan pergaduhan dan menakut-nakutkan orang yang bersalah agar segera berbuat baik, jika tidak sesuatu akibat buruk menimpa diri.

### **Fungsi Ilmu *Pironok***

#### **1. Menyatukan masyarakat**

Ilmu *pironok* berfungsi sebagai alternatif menyatukan masyarakat di bawah undang-undang tradisi yang sama. Segala tegahan, larangan, suruhan dan amalan harian yang diuar-uar oleh ketua dipatuhi. Tanpa mengamalkan *pironok* bukan mudah untuk seseorang pemimpin melaksanakan tugas-tugas menjaga keselamatan masyarakat. Tambahan pula dengan jumlah penduduk yang ramai, tentu sahaja ada permasalahan sosial. Perpecahan dalam masyarakat terjadi sekiranya tidak dapat dikawal dengan baik.

#### **2. Memberikan keyakinan dalaman**

Pemimpin lebih berkeyakinan sekiranya mengamalkan ilmu *pironok*. Dengan itu, pemimpin yakin mereka mempunyai kekuatan luar biasa dalam kehidupan seharian sebelum melaksanakan sesuatu tugas. Melalui amalan ilmu *pironok*, pemimpin yakin pengikutnya lebih segan dan sayang kepadanya.

#### **3. Menyemai taat setia rakyat kepada pemimpin**

Taat setia daripada rakyat dapat dipupuk dan disemai dengan baik sekiranya pemimpin dalam kumpulan masyarakat mengamalkan ilmu *pironok* secara batiniah. Rakyat lebih yakin dengan kewibawaan dan mematuhi segala arahan pemimpin.

#### 4. Mendamaikan perbalahan

*Pironok* dapat memastikan keamanan dalam kehidupan seharian. Jika ingkar, *sogit* atau denda dikenakan kepada pesalah. Orang yang bertengkar mudah untuk diredakan sekiranya pemimpin mengamalkan ilmu *pironok*. Pengikut dipercayai yakin pada keputusan ketua dan segala perkara yang dikatakan oleh ketua adalah benar. Kedua-dua pihak yang berbalah akan akur dengan nasihat ketua.

#### 5. Melancarkan tugas pemimpin

Pengamalan ilmu *pironok* secara batiniah dapat memudahkan tugas ketua menghimpunkan masyarakatnya untuk membincangkan kemajuan kampung ke arah kehidupan yang lebih baik.

#### 6. Sebagai perancang keamanan sistematik

Pada zaman dahulu, masyarakat Dusun Kimaragang di Kota Marudu amat takutkan ketua. Hal ini berikutan adanya persepsi bahawa ketua memiliki kekuatan luar biasa yang mampu membinasakan mana-mana ahli masyarakat yang tidak menurut kata. Oleh itu, ahli masyarakat tunduk dan patuh pada setiap arahan ketua walaupun dalam hati mereka kurang bersetuju kerana takut ditimpa musibah.

#### 7. Mengajar manusia untuk saling menghormati

Amalan *pironok* mewujudkan perasaan saling menghormati antara satu sama lain, sama ada berkaitan dengan hak material dan bukan material. Hak material misalnya, harta benda, tanaman, ternakan dan makanan lain. Dalam kehidupan masyarakat Dusun Kimaragang, aktiviti ekonomi mereka ialah pertanian. Kejadian kecurian hasil tanaman sering berlaku di kampung yang mendatangkan kerugian kepada petani. Kejadian mencuri seperti itu sudah tentu mengganggu keamanan kampung jika tidak diselesaikan dengan segera. Hak bukan material ialah keselamatan, keamanan, adat dan sistem sosial masyarakat. Hak tersebut perlu dijaga dengan baik agar kehidupan sosial berjalan dengan lancar.

### CADANGAN

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan. Pertama, *pironok* ialah bentuk lisan yang dituturkan hasil warisan daripada nenek moyang tanpa menggunakan teks. Demi menjaga agar khazanah kebudayaan Dusun

Kimaragang ini tidak luput ditelan zaman, ilmu *pironok* perlu diterjemahkan ke dalam dokumentasi bertulis. Kehidupan moden dengan teknologi yang semakin maju berupaya menghakis warisan leluhur ini. Pengajaran mantera sebagai apresiasi sastra di sekolah merupakan satu upaya memperkenalkan *pironok* sebagai madah lisan kepada generasi muda dalam Kurikulum Bahasa Kadazan Dusun.

## KESIMPULAN

Fungsi *pironok* mempunyai kesan yang tidak memudaratkan dalam sistem sosial masyarakat Dusun Kimaragang di Kota Marudu dan Kudat, Sabah. Rumusan ini dibuktikan dengan fungsi *pironok* melalui ketamadunan tradisional masyarakat Dusun. Masyarakat dahulukala sudah mempunyai nilai kearifan tempatan dan pola pemikiran mereka menjadi lebih baik kerana hidup berpaksikan amalan budaya yang sama. *Pironok* mengandungi nilai budaya yang dimiliki oleh sekumpulan masyarakat. Walaupun pada zaman dahulu belum ada pendidikan formal yang mengajar mereka selok-belok pemerintahan, amalan ilmu *pironok* secara batiniah oleh ketua memberi keyakinan kepadanya untuk menjalankan tugas sebagai pemimpin.

## RUJUKAN

- Hanapi Dollah. (2007). *Mantera sebuah kompleks budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasmilawati, Isna & Rustam Effendi. (2012). Struktur dan fungsi mantra masyarakat Dayak Deah Desa Pangelak Kecamatan Upau Kabupaten Tabalong. *Jurnal Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2 (1), 1–16.
- Ling, Martin. (1991). *Symbol and archetype: A study of the meaning of existence*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Mohd Taib Osman. (1991). *Pengkajian sastra rakyat bercorak cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2007). *Mekanisme kuasa dalam mantera: Satu analisis dari pendekatan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan tulisan, teks dan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peletz, M. G. (1993). Knowledge, power an personel misfortun in a Malay context. Dlm. C. W. Watson & R. Ellen. (Ed.). *Understanding Witchcraft and Sorcery in Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Pudentia, MPSS (Ed.). (2008). *Metodologi kajian sastra lisan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia dan Yayasan Asosiasi Tradisi Lisan.

- Supomo, S. (1979). The image of Majapahit letter Javanese and Indonesian writing. Dlm. A. Reid & D. Marr (Ed.). *Perceptions of the Past Southeast Asia*. Singapura: Heinemann.
- Toelkan, Barre. (1996). *The dynamics of folklore*. Logan: Utah States University Press.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2007). *Mantera, budaya dan pemikiran orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Sorayah. (2014). Fungsi dan makna mantra Tandur di Desa Karangnunggal Kecamatan Cibeber Kabupaten Cianjur. *Bahtera Sastra: Antologi Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2 (2).

**Informan**

- Nuno bin Ingkas. Umur 80 tahun. Kampung Liabas, 89100 Kota Marudu, Sabah.
- Runsini Acuk. Umur 80 tahun. Kampung Liabas, 89100 Kota Marudu, Sabah.